

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas menservis TV 8821/3 mengandungi dua (2) tugas. Masa yang diperuntukkan 1 jam bagi satu tugas.

- Soalan 1 Terdapat satu (1) garisan mengufuk pada skrin TV. Calon dikehendaki mengesan kerosakan pada set penerima TV. Calon disediakan dengan alat uji seperti osiloskop, meter pelbagai serta litar skimatik. Calon perlu mengesan kerosakan serta membuat laporan dalam masa satu (1) jam sebelum berpindah kepada set penerima TV yang lain untuk tugas dua.
- Soalan 2 Set penerima TV tiada gambar, raster normal serta tiada suara. Calon dikehendaki mengesan kerosakan dengan bantuan alat uji yang disediakan serta membuat laporan. Selepas masa satu jam yang diperuntukkan calon dikehendaki berpindah kepada set penerima TV yang lain untuk tugas satu.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya prestasi calon untuk kertas ini amat membanggakan. Faktor yang menyumbang kepada prestasi cemerlang adalah :

- a. Mengesan kerosakan pada set penerima TV menjadi bertambah mudah dengan melihat symptom pada skrin TV.
- b. Dengan bertambah majunya teknologi serta rancangan pengurangan kos pengeluaran komponen TV semakin berkurangan. Dengan ini komponen yang boleh dirosakkan juga menjadi kurang. Apabila komponen berkurangan dan komponen yang boleh dirosakkan juga berkurangan, peluang calon mengesan komponen rosak adalah tinggi.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memahami simptom pada skrin TV. Dengan bantuan alat uji yang disediakan calon bijak mengasingkan peringkat yang dijangka rosak. Calon mampu membuat laporan kerosakan secara kemas dan teratur serta dapat mengenalpasti komponen yang rosak dan jenis kerosakan.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon faham simptom yang tertera pada skrin TV. Tetapi calon mengesan kerosakan pada peringkat yang tidak berkaitan sebelum pergi ke peringkat yang dijangka rosak. Perjalanan yang jauh ini akan mengambil masa yang agak panjang. Dengan ini masa yang digunakan untuk mengesan komponen yang rosak menjadi pendek.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon dalam kumpulan ini teramat sedikit jika dibandingkan dengan dua kumpulan di atas. Kebiasaannya calon ini gagal mengesan komponen yang rosak serta menguji peringkat yang tidak berkaitan.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1

Pada tugas ini, majoriti calon boleh membuat tugas dengan jayanya. Ini disebabkan oleh bahagian pagak pada TV hanya terdiri dari beberapa komponen sahaja. Dengan ini kemungkinan calon untuk menemui komponen yang rosak amat tinggi.

Soalan 2

Keseluruhan calon berupaya mengesan simptom kerosakan pada set penerima TV ini. Calon dapat membuat laporan yang kemas dan tepat. Penggunaan alat uji yang optima membantu calon mengungguli tugas dua ini.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon hendaklah menulis laporan dengan terang dan tersusun.
2. Peringkat yang tidak berkenaan hendaklah diabaikan.
3. Calon hendaklah menyatakan jenis alat ujian, titik ujian, julat alat ujian, volt/cm dan time/cm serta unitnya.

SARANAN KEPADA GURU

1. Menitikberatkan tentang menulis laporan kerosakan.
2. Sentiasa mengingatkan calon supaya menulis jenis alat ujian, julat alat ujian, titik ujian, volt/cm dan time/cm serta unitnya.
3. Membuat latihan yang banyak pada menulis laporan kerosakan.